

09/02/1997

Kad raya untuk PM

SERDANG: Masyarakat Bosnia di sini juga tidak mahu melepaskan peluang menyambut Aidilfitri bersama rakyat Malaysia.

Selain membuat kad hari raya istimewa untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mereka turut mengucapkan `Selamat Hari Raya Kepada Semua Rakyat Malaysia dan Terima Kasih Di Atas Segalanya'.

Kad istimewa itu yang dilukis sendiri oleh 19 kanak-kanak Bosnia berusia tiga hingga 15 tahun, akan diserahkan secara peribadi kepada Perdana Menteri sewaktu mengadakan rumah terbuka di Seri Perdana, esok.

Wakil masyarakat Bosnia di sini, Imam Sakib, berkata kad berkenaan sebagai tanda terima kasih atas sokongan pemimpin serta rakyat Malaysia.

"Selain mengucapkan Salam Aidilfitri, ia juga sebagai tanda ingatan dan bersyukur di atas kesudian rakyat Malaysia untuk menerima kehadiran kami di sini," katanya.

Bagi kanak-kanak Bosnia pula, kedatangan Syawal sememangnya dinantikan kerana memberi peluang mengunjungi rakan yang lain.

"Saya rasa seronok sebab dapat ke rumah kawan dan menikmati pelbagai hidangan istimewa," kata Rukiya Klasik Baehzad, 8 tahun.

Rukiya yang fasih berbahasa Melayu dan menetap bersama keluarganya di sini sejak tiga tahun lalu, berkata jika diberi peluang, beliau ingin terus berada di sini.

Bagi Spreco Medina Hayrodin, 10, ini adalah kali ketiga beliau beraya di Malaysia bersama keluarganya.

"Saya tak berapa ingat bagaimana keadaannya beraya di Bosnia sebab ketika itu saya masih kecil. Tapi sejak berada di sini, saya berasa seronok kerana kawan-kawan ramai dan orang di sini baik-baik," katanya.

(END)